

Perluas sumber kewangan Islam bantu pelajar IPT kurang mampu

Prof Dr Abdul Halim Abdul Majid,
Pengarah, Institut Penyelidikan dan Inovasi Zakat (IPIZ), Universiti Utara Malaysia

Institusi pengajian tinggi (IPT) umumnya memainkan peranan penting sebagai pusat pembangunan ilmu, penyelidikan dan pembinaan modal insan negara.

Dalam konteks Malaysia yang majoriti rakyatnya beragama Islam, sumber kewangan berasaskan

filantropi Islam seperti zakat, wakaf dan sedekah mempunyai potensi besar untuk dimanfaatkan secara lebih strategik bagi menyokong kelestarian IPT.

Pendekatan ini bukan sahaja membantu memperkukuh kewangan institusi, malah mampu menyumbang kepada pembentukan masyarakat berilmu dan sejahtera, sekali gus menyokong aspirasi memakmurkan dan Malaysia MADANI dengan pelbagai nilai rahmah dan kesejahteraan.

Zakat misalnya sudah lama berfungsi sebagai mekanisme agihan kekayaan bertujuan membantu golongan asnaf.

Dalam konteks IPT, dana zakat boleh dimanfaatkan untuk menyokong pelajar daripada golongan kurang berkemampuan melalui bantuan yuran pengajian, sara hidup, peralatan pembelajaran serta program pembangunan sahsiah.

Dengan pengurusan sistematik dan telus, dana zakat bukan sahaja membantu pelajar meneruskan pengajian, malah berpotensi melahirkan graduan berkualiti kelak menyumbang kembali kepada masyarakat.

Selain zakat, instrumen wakaf juga mempunyai potensi besar menyokong pembangunan fizikal dan intelektual IPT.

Tradisi wakaf dalam sejarah tamadun Islam menunjukkan bagaimana universiti dan pusat

ilmu berkembang melalui sumbangan wakaf masyarakat.

Di Malaysia, model wakaf pendidikan boleh dikembangkan melalui wakaf tunai, tanah, bangunan atau aset yang hasilnya disalurkan kepada pembangunan kemudahan pembelajaran, penyelidikan serta kebajikan pelajar dan kakitangan.

Sedekah lengkapkan peranan zakat, wakaf

Sedekah pula melengkapkan peranan zakat dan wakaf sebagai sumber dana kebajikan yang lebih fleksibel. Sumbangan sedekah daripada masyarakat, alumni, industri dan individu berkemampuan boleh dijadikan dana sokongan untuk pelbagai program akademik, penyelidikan, inovasi serta aktiviti kemasyarakatan di IPT.

Budaya memberi dipupuk melalui sedekah bukan sahaja membantu memperkukuh kewangan institusi, malah membina jaringan kerjasama antara universiti dengan masyarakat, komuniti dan industri.

Bagi memastikan keberkesanan pengurusan dana ummah ini, IPT perlu membangunkan model urus tadbir yang bersepadu, profesional dan berintegriti.

Ini termasuk menubuhkan unit khas menguruskan zakat, wakaf dan sedekah secara sistematik, penggunaan teknologi digital pengurusan dana serta pelaporan telus kepada penyumbang dan pihak berkepentingan.

Tadbir urus yang baik akan meningkatkan kepercayaan masyarakat terhadap institusi dan menggalakkan lebih banyak penyertaan dalam inisiatif filantropi pendidikan.

Kerjasama strategik antara IPT dengan institusi zakat negeri, majlis agama Islam, badan

korporat dan pertubuhan masyarakat sivil perlu diperkukuh.

Sinergi antara pihak ini mampu memperluas sumber dana serta memastikan agihan lebih berimpak kepada pembangunan pendidikan tinggi. Pendekatan kolaboratif ini juga dapat mengelakkan pertindihan program dan meningkatkan keberkesanan penggunaan dana kebajikan Islam.

Lebih penting lagi, zakat, wakaf dan sedekah dalam IPT perlu dilihat sebagai satu usaha membina ekosistem pendidikan inklusif dan berdaya tahan.

Apabila pelajar daripada pelbagai latar belakang diberi peluang pendidikan adil dan berkualiti, IPT akan menjadi wahana mobiliti sosial mampu mengubah kehidupan individu, keluarga dan masyarakat secara keseluruhan.

Keperluan merencana kerangka strategik holistik amat penting bagi mengoptimumkan manfaat dana zakat, wakaf dan sedekah. Melalui pendekatan bersepadu merentas peringkat nasional, negeri dan institusi ia mampu meningkatkan kecekapan tadbir urus, ketelusan serta impak sosioekonomi.

Usaha ini bagi memastikan agihan lebih tersasar, mampan dan selari dengan keperluan sebenar institusi IPT di Malaysia.

Akhirnya, usaha memanfaatkan dana zakat, wakaf dan sedekah dalam urus tadbir IPT bukan sekadar strategi kewangan, tetapi manifestasi nilai Islam menekankan keadilan sosial, solidariti dan kesejahteraan bersama.

Jika digerakkan secara tersusun dan berkesan, pendekatan ini berpotensi menjadi pemangkin pembangunan pendidikan tinggi mampan, sekali gus menyumbang kepada usaha mengukuhkan negara dengan ilmu, kemakmuran dan nilai kemanusiaan sejagat.